

PIRELLI

Pirelli & C. Società per Azioni

DASAR KUMPULAN — JUN 2004

**DASAR PIRELLI TENTANG KESELAMATAN, KESIHATAN KERJA,
PERSEKITARAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL**

PRESIDENTE
Marco Tronchetti Provera



DIKEMASKINI OLEH:
c. 0015— Health, Safety & Environment

Kumpulan Pirelli mendukung dan menghormati pemeliharaan hak asasi manusia yang diiktiraf antarabangsa, komited untuk menerapkan kod etika yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah, dan secara berterusan sentiasa memperbaiki aspek sosial, etika, aspek-aspek kesihatan dan keselamatan serta persekitaran.

Pirelli menganggap pemeliharaan integriti, kesihatan dan kesejahteraan para pekerja dan persekitaran sebagai salah satu keperluan asas yang harus dihormati dalam mengendalikan kegiatannya.

Pirelli mematuhi prinsip "Pembangunan Mapan" dan memikul tanggungjawab untuk mengamalkannya.

Untuk semua tujuan ini, maka kesemua Kumpulan Syarikat memegang prinsip-prinsip berikut:

- menguruskan kegiatannya dengan menggunakan Sistem Pengurusan kesihatan dan keselamatan kerja, persekitaran dan tanggungjawab sosial sesuai dengan standard antarabangsa;
- memberikan serta menyebarkan maklumat mengenai kesihatan, keselamatan kerja, persekitaran dan tanggungjawab sosial kepada pemegang kepentingan (stakeholders) dalaman dan luaran, dengan bekerjasama secara aktif dengan badan-badan akademik dan perundangan nasional dan antarabangsa;
- menggalakkan penggunaan teknologi maju untuk mencapai keunggulan dalam perlindungan kesihatan, keselamatan para pekerja dan persekitaran;
- menilai dan mengurangkan kesan oleh proses-proses/produk-produknya ke atas persekitaran melalui pendekatan 'kitaran hidup' (life cycle approach);
- menggunakan sumber bahan secara bertanggungjawab, dengan tujuan mencapai pembangunan mapan yang menghormati persekitaran dan hak-hak generasi mendatang;
- menilai risiko kemalangan kerja atau penyakit pekerjaan dan mengenalpasti kesan kegiatannya ke atas persekitaran. Demi menghapuskan atau mengurangkannya, mematuhi undang-undang di negara-negara lain sebagai keperluan minima;
- tidak terlibat atau menyokong penggunaan buruh kanak-kanak atau buruh paksa;
- menjamin peluang yang sama, kebebasan berkesatuan serta menggalakkan pembangunan peribadi setiap individu;
- menentang penggunaan kekerasan mental atau fizikal, kekesatan verbal atau hukuman dera;
- mematuhi undang-undang dan standard industri yang terpakai berhubung jam kerja;
- menjamin agar kadar gaji adalah sekurang-kurangnya sama dengan standard undang-undang atau industri dan memadai untuk memenuhi keperluan asas hidup para pekerja;
- membentuk dan memelihara prosedur-prosedur yang sesuai untuk menilai dan memilih pembekal-pembekal dan subkontraktor-subkontraktor berdasarkan komitmen mereka terhadap tanggungjawab sosial dan persekitaran;
- melibatkan semua peringkat organisasi dan semua pekerja Kumpulan ini dengan menjamin bahawa tanggungjawab dan prosedur operasi adalah ditentukan dengan tepat, dimaklumkan dengan cara yang sesuai dan difahami dengan jelas;

Dasar ini adalah diumumkan dan disebarkan kepada semua syarikat dalam Kumpulan.

Pirelli adalah komited untuk memperbaiki Dasar dan programnya secara berterusan dan untuk melaksanakan prosedur, peraturan dan arahan yang menjamin bahawa nilai-nilai murni yang dikandung oleh dasar tersebut adalah tercermin dalam tindakan setiap syarikat mahupun dalam tindakan setiap pekerjanya dan pekerjasamanya.

Pirelli percaya dengan penerapan Dasar ini, ia akan membantu menyediakan keadaan dan prasarana kehidupan yang lebih bermutu kepada generasi kini dan generasi mendatang.